



Headline: Penjawat awam ditipu Macau Scam  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 21 September 2019

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 31

# Penjawat awam ditipu Macau Scam

**Rugi RM17,200  
selepas serah  
nombor kad  
ATM kepada  
suspek**

RUBIAH OMAR

DUNGUN

**A**kibat terlalu takut akan didakwa dalam kes pengubahan wang haram, seorang penjawat awam menyerahkan nombor kad ATM sebuah bank miliknya menyebabkan kerugian RM17,200.

Lelaki berusia 27 tahun

di Batu Tiong menerima panggilan kelmarin dari Mahkamah Kuala Terengganu sebelum panggilan disambungkan ke ke Balai Polis Kuala Terengganu jam 12 tengah hari.

Menurut sumber, individu yang memperkenalkan diri sebagai Inspektor Mohd Danial memaklumkan mangsa disyaki bersubahat dalam pengubahan wang haram bersama pegawai bank.

“Selepas itu, suspek meminta nombor kad ATM bank milik mangsa dengan alasan bagi urusan Bank Negara untuk membuat pindahan wang dari akaunnya.

“Suspek memaklumkan semua urusan dilaku-



**BAHARUDIN**

kan adalah untuk membersihkan namanya yang tersenarai dalam jenayah pengubahan wang haram,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Sumber berkata, antara jam 1 tengah hari sehingga jam 3 petang, mangsa kemudiannya menerima sem-

bilan mesej yang meminta meluluskan mesej itu.

“Tanpa berfikir panjang, mangsa meluluskan kesemua mesej tersebut sebelum mendapati wang simpanan sebanyak RM17,200 hilang.

“Yakin dirinya sudah terperangkap dengan sindiket penipuan Macau Scam, mangsa mengambil keputusan membuat laporan polis,” katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dungun, Superintendan Baharudin Abdullah ketika dihubungi mengesahkan menerima laporan itu kelmarin.

Menurutnya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.